

Sindrom pergantungan

Oleh Kadir Dikoh

BH - 8 MAY 2000

DALAM usaha negara mengembangkan pengetahuan berasaskan ekonomi atau k-ekonomi untuk mengharungi globalisasi, setiap perkara yang dilakukan mesti berlandaskan kepada kebolehan seseorang. Mereka yang berpengetahuan dalam apa bidang sekalipun, termasuk buruh mahir, akan mempunyai tempat dalam era k-ekonomi.

Begitu juga sektor perniagaan. Era mendapat projek dengan mudah melalui pintu belakang sudah tidak relevan lagi pada alaf baru ini. Yang relevan ialah kepakaran seseorang untuk berniaga. Jika mendapat sesuatu projek daripada kerajaan, bermakna pemberian itu dilakukan kerana kebolehannya untuk menjayakan projek itu.

Nescaya, ingatan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin kelmarin supaya usahawan Melayu mengelakkan diri daripada mencipta budaya perniagaan

yang bergantung kepada pengaruh politik, perlu direnung oleh semua pihak.

Meskipun isu ini bukan baru, aliran itu semacam masih berleluasa. Ini kerana memberi sesuatu tanggungjawab kepada seseorang yang tidak boleh menjalankan tugas, tidak memberi sebarang kesan.

Malah, sindrom pergantungan dan menggunakan pengaruh politik akan hanya merosakkan masyarakat usahawan Melayu itu sendiri. Ini sekali gus juga mewujudkan budaya malas dalam masyarakat kerana mereka yang berjaya misalnya memperolehi projek bernilai berjuta-juta ringgit dengan mudah tanpa usaha yang benar-benar didasarkan kepada saingan terbuka.

"Sepatutnya, pemberian projek kepada seseorang perlu disandarkan kepada kebolehannya, bukan kerana kaitan politik. Yang lebih teruk ialah apa-

ANALISIS

bila dia memberi subkontrak kepada orang lain," kata Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda.

Katanya, dalam era K-ekonomi, semua yang dilakukan perlu berlandaskan kepada profesionalisme. Perniagaan alibaba yang pernah menjadi isu pada 1980-an sudah tidak boleh dibenarkan wujud lagi.

Namun, satu lagi persoalan timbul ialah apakah usahawan Melayu boleh bertahan lama tanpa menggunakan landasan politik perjuangan orang Melayu untuk mencapai matlamat bagi memartabatkan usahawan Melayu. Ada yang berpendapat ketuanan politik Melayu sebenarnya sebagai pelindung kepada orang Melayu termasuk mere-

politik wujudkan budaya malas

ka yang terbabit dalam sektor perniagaan.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu (Perdasama), Datuk Mohamed Izzat Emir, berkata sekarang adalah masanya untuk menggunakan serampang dua mata setelah ekonomi negara menghadapi kegawatan baru-baru ini.

"Pertama membaik pulih mereka yang 'cedera' (keperitan) dan ditimpa malang disebabkan kejatuhan nilai mata wang dan kejatuhan ekonomi. Kedua ialah usahawan yang mampu bertahan dalam kegawatan dan mahu terus berkembang dan golongan ini perlu terus diberi peluang yang saksama.

"Mereka yang terselamat dalam proses pemulihan itu perlu terus diperkuatkan kedudukan mereka supaya tabah menghadapi cabaran dan orang ini menjadi tanggungjawab pemimpin

politik bagi memperjuangkan kepentingan mereka," katanya.

Namun katanya, kenyataan Daim adalah tepat apabila menteri kewangan itu menyatakan bahawa mereka yang ingin berniaga tidak harus menggunakan pengaruh politik. "Kalau ini berlaku, lebih baik tutup perniagaan sebelum usahawan ini menutup rezeki orang lain yang benar-benar berusaha atas titik peluh sendiri," kata Mohamed Izzat.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata perniagaan dan politik perlu diasingkan kerana campuran kedua-duanya menimbulkan percanggahan kepentingan.

Katanya, bagi mengelak percanggahan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering menasihatkan orang politik terutama di ka-

langan jemaah menteri untuk melepaskan kepentingan dalam perniagaan.

"Langkah ini juga boleh membantu mengurangkan kegiatan politik wang apabila kepentingan perniagaan dipisahkan daripada kepentingan politik. Misalnya, ada yang merebut jawatan di peringkat Umno bahagian atau majlis tertinggi, bukan saja mahukan kuasa, malah bagi merebut peluang perniagaan.

"Ada yang benar-benar mahu berniaga diketepikan kerana mahu mengutamakan orang yang ada kaitan dengan politik. Saya berharap kenyataan Daim itu tidak menyinggung mana-mana pihak," katanya.

Sememangnya, tiada guna menggunakan pengaruh politik dan pertalian luar perniagaan jika perniagaan itu akhirnya mengalami kegagalan.